

# BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

**JANUARI - FEBRUARI**  
**BILANGAN 01/2022**



## MAJLIS PERASMIAN RUANG KAREL DAN SERAHAN KOMPUTER RIBA

**BICARA PUSTAKAWAN:**  
**APAKAH PERPUSTAKAAN AWAM**  
**MASIH RELEVAN DITAHUN**  
**2022?**


**LENSA PAMERAN SEMPENA**  
**ISTIADAT KONVOKESYEN**  
**UNIVERSITI SELANGOR KALI**  
**KE-15**

**unisel** library

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

Majlis Perasmian  
**RUANG KAREL PERPUSTAKAAN**

Disempurnakan oleh:

  
**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN**  
Presiden & Naib Canselor  
Universiti Selangor

Pada 17 Januari 2022 (Isnin)  
bersamaan 14 Jamadilakhir 1443H



# Pembuka Bicara

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran pertama pada tahun 2022 (Januari - Februari 2022), Perpustakaan UNISEL telah melancarkan ruangan baru di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya iaitu ruang karel yang mana menempatkan 20 set komputer yang berdefinisi tinggi untuk kegunaan para pelajar UNISEL. Ruang baru ini telah dirasmikan oleh Yang berbahagia Prof. Dato Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga telah berjaya mengadakan satu pameran sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor kali ke-15. Selamat maju jaya diucapkan kepada para graduan, semoga berjaya dalam pekerjaan di luar sana.

Bersempena tahun baru ini, pihak **Buletin Perpustakaan UNISEL** mengucapkan selamat menyambut tahun baru dan diharap tahun ini semoga hidup menjadi lebih baik, bahagia, rezeki melimpah dan diberi kesihatan yang baik.

Salam hormat,

**ZAIRIL AZWAN OSMAN**

Editor  
zairil@unisel.edu.my

## Sidang Pengarang

### PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

### EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

### PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan  
Perpustakaan UNISEL

### PENGEDARAN

Unit LSDM

**Buletin Perpustakaan UNISEL** ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

**Editor Buletin Perpustakaan UNISEL**  
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam  
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-55223596  
Emel: zairil@unisel.edu.my

## Isi Kandungan

- Majlis Perasmian Ruang Karel dan serahan komputer riba 1
- BICARA PUSTAKAWAN: Apakah perpustakaan awam masih relevan ditahun 2022? 2
- Lensa pameran sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor kali ke-15 4
- Program Literasi Maklumat 5
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL 7
- Album Pelawat & Lawatan 10
- Ulasan buku 11

SELAMAT DATANG

YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN

Presiden & Naib Canselor  
Universiti Selangor

ke

Majlis Perasmian

Ruang Karel dan Serahan Komputer Riba

17 Januari 2022 (Isnin) | 12:00 tengah hari | Perpustakaan UNISEL

Kampus Bestari Jaya



# MAJLIS PERASMIAN RUANG KAREL DAN SERAHAN KOMPUTER RIBA

Pada tanggal 17 Januari 2022, Universiti Selangor (UNISEL) menerusi Perpustakaan UNISEL melancarkan Ruang Karel khas untuk kegunaan pelajar UNISEL. Majlis perasmian ini diadakan di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor. Menurut beliau, ruang karel ini dilihat sebagai satu tarikan besar buat pelajar selain dari kemudahan yang sedia ada di dalam perpustakaan ini. Tambah beliau, komputer berdefinisi tinggi ini mampu memudahkan pelajar dalam melaksanakan tugas kuliah sekali gus bermanfaat dalam pencarian bahan penyelidikan.

Sebanyak 20 buah unit komputer berdefinisi tinggi telah diletakkan di Ruang Karel di Perpustakaan UNISEL Kampus bestari Jaya bagi menambahbaik kemudahan pelajar lebih-lebih lagi dapat digunakan dalam proses pembelajaran atas talian. Diharap jumlah ini mencukup untuk kegunaan para pelajar UNISEL.

Dalam pada masa yang sama, sesi penyerahan 12 buah komputer riba kepada unit Center of Information Communications Technology (CICT) turut diadakan bagi kegunaan sistem audio visual (AV) serta kegunaan pendaftaran pelajar bagi kedua-dua buah kampus. Turut hadir dalam majlis ini Prof. Madya Dr. Hamdan Dato' Mohd Salleh.





# BICARA PUSTAKAWAN



## APAKAH PERPUSTAKAAN AWAM MASIH RELEVAN DI TAHUN 2022?

Oleh: Zairil Azwan bin Osman

Perpustakaan awam adalah tempat atau pusat kegiatan masyarakat bagi penduduk setempat yang memupuk perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Perpustakaan awam juga menjadi tempat untuk para pelajar untuk belajar secara berkumpulan dan kelas tambahan selepas waktu belajar atau pada hujung minggu. Selain itu, ada juga ibubapa akan menghantar anak-anak ke perpustakaan awam pada hujung minggu.

Namun sejak kebelakangan ini, perpustakaan awam tidak menjadi tumpuan utama masyarakat setempat. Apakah yang menyebabkan perkara ini berlaku? Antara sebab perpustakaan awam kurang dikunjungi adalah dengan kepesatan teknologi maklumat. Pada zaman sekarang pencarian maklumat adalah hanya dihujung jari melalui telefon pintar ataupun tablet. Dengan adanya teknologi ini, masyarakat hanya memerlukan sambungan internet untuk membuat carian di laman sesawang. Selain itu, masyarakat lebih cenderung untuk melayari media sosial dan juga mencari maklumat melalui medium media sosial. Seperti sedia maklum, kesahihan maklumat di dalam media sosial tidak dapat dikenal pasti sama ada betul ataupun tidak. Oleh itu, kesedaran terhadap perkara

ini perlu dititikberatkan untuk menghindari dari mendapat maklumat yang salah yang boleh mendatangkan fintah.

Oleh yang demikian, peranan perpustakaan awam di Malaysia harus kekal dan dipertingkatkan untuk terus berkembang pesat walaupun menghadapi cabaran maklumat digital dan media sosial. Antara sebab perpustakaan awam perlu wujud dan kekal relevan adalah perpustakaan adalah tempat untuk mencari maklumat yang benar dan sahih. Walaupun pada zaman sekarang banyak perubahan dan inovasi teknologi yang telah tercipta, tujuan utama perpustakaan adalah menyediakan maklumat yang benar yang diperlukan oleh pengguna perpustakaan atau masyarakat setempat. Apabila berada di perpustakaan, mereka boleh mengakses dengan mudah melalui bantuan pustakawan yang mahir dan terlatih. Oleh itu pustakawan mempunyai peranan yang signifikan dalam perpustakaan awam dan akademik.

**“Google can bring you back 100,000 answers. A librarian can bring you back the right one.”**

NEIL GAIMAN





Selain itu, perpustakaan awam berperanan menyokong sistem pendidikan disesebuah kawasan iaitu dengan menyediakan sumber atau bahan pembelajaran dalam pelbagai bentuk sama ada bahan bercetak atau bahan digital secara percuma. Perpustakaan bukan sahaja menyediakan perkhidmatan secara bersemuka, malahan juga boleh menyediakan secara atas talian. Terdapat beberapa kajian yang telah diterbitkan mengesahkan bahawa perpustakaan awammempunyai kepentingan yang amat besar dalam setiap komuniti dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, peranan sesebuah perpustakaan bukan lagi tugas rutin seperti urusan pembelian buku, pinjaman bahan dan susunan buku di rak tetapi menjadi pemangkin kepada warga pelajar berilmu melalui pengaksesan maklumat dan ilmu komprehensif, relevan dan terkini.

Para pengguna datang ke perpustakaan bukan sahaja untuk mencari maklumat ataupun bahan bacaan, tetapi menjadikan perpustakaan sebagai tempat perjumpaan dengan komuniti mereka. Sebagai contoh, para pelajar datang ke perpustakaan untuk belajar secara berkumpulan atau menyiapkan projek sekolah bersama ahli kumpulan. Selain itu, pihak perpustakaan juga boleh menganjurkan sesuatu acara yang santai untuk menarik minat orang awam tidak kira peringkat umur untuk datang ke perpustakaan. Oleh itu, pembangunan perpustakaan awam semestinya perlu mengambli kira keperluan orang awam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat itu sendiri.

Disebabkan kemudahan dan perkhidmatan di perpustakaan awam adalah percuma, tidak ramai yang menganggap perpustakaan awam boleh memainkan peranan dalam sektor ekonomi. Perpustakaan awam menyediakan bahan dan akses kepada maklumat yang berkaitan dengan perancangan perniagaan, penyelidikan pasaran perniagaan dan pembiayaan perniagaan kepada usahawan yang ingin memajukan perniagaannya. Selain itu, perpustakaan awam juga menyediakan kemudahan kafe siber dan sambungan Wi-Fi secara percuma. Dengan ini, pengguna boleh memanfaatkan kemudahan ini untuk memulakan perniagaan di atas talian yang sedia maklum semakin rancak pada zaman sekarang.

Dari setiap sudut, kita dapat lihat bahawa perpustakaan awam memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Perpustakaan awam menyediakan pelbagai bentuk sumber maklumat sama ada dalam bentuk bercetak mahu pun digital. Di samping itu, pustakawan juga memainkan peranan untuk mengajar pengguna cara untuk mengakses segala sumber maklumat yang ada di dalam perpustakaan. Perpeustakaan awam juga boleh dijadikan sebagai tempat perkongsian maklumat dan pusat komuniti untuk masyarakat setempat.







# LENSA PAMERAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI SELANGOR KALI KE-15





# Program Literasi Maklumat



## 06 JANUARI 2022

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Emerald Publishing telah mengadakan sesi latihan Emerald Special Issue pada 6 Januari 2022 (Khamis). Sesi yang telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi Zoom yang bermula pada jam 10.30 pagi hingga 11.30 tengahari ini telah dikendalikan oleh Mr. William Loh, wakil dari Emerald Publishing. Seramai 19 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan telah mengikuti program tersebut.

**5W1H (What Who Where When Why How)**

**Where to find Call for Paper? (CFP)**

- <https://www.emeraldgroupublishing.com/publish-with-us/calls-for-papers>
- Filter by Subject & SDG, & sorting
- Also can search from Journal homepage

**When to submit Call for Paper? (CFP)**

- Each CFP has different timeframe
- Read the CFP for more detail information

**How to submit Call for Paper? (CFP)**

- ScholarOne Manuscript, submission link via Journal homepage
- <https://www.emeraldgroupublishing.com/publish-with-us/calls-for-papers>

**Meeting chat**

William Loh Wei Lun: 10:33 am Good Morning!

NOOR FAHMIANA ET...: 10:33 am ok with me, mr. William

William Loh Wei Lun: 10:33 am if you can read my here, pls just say Hi

MUHO AZAM BIN MO...: 10:33 am Good am everyone

HASLIZA BINI ABU HASSAN (Guest): has temporarily joined the chat.

Uzi (Guest): has temporarily joined the chat.

KATI AISHORI (Guest): has temporarily joined the chat.

Sahid (Guest): 10:34 am ok

No library (Guest): no longer has access to the chat

MUHO ZAMRI YASIN (Guest): has temporarily joined the chat.

Siti Sarifah (Guest): has temporarily joined the chat.

Type a new message

**Website Content:**

Articles:

- The Intersections of Open Educational Practices and Equity Pedagogy**  
Journal for Instructional Education
- Frictions in drug control: prescription opioids, prohibition and consumption cultures in Africa**  
Drugs and Alcohol Today
- Profound Digital Pedagogies: Authors of papers for Emerging Pedagogies special issue**  
Journal of Pedagogical Research

Filter by:

- Show all types
- Show all types
- Case study
- Journal Article

Apply





# Program Literasi Maklumat



## 24 JANUARI 2022

Taklimat ringkas & lawatan ke Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya untuk pelajar Centre of Graduate Studies (CGS) telah dikendalikan oleh Pustakawan, Puan Nur Adna Binti Roduan.



## 25 JANUARI 2022

Program Literasi Maklumat: Citing and Referencing Information Using APA Style (7th ed.) bersama pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial secara atas tali menggunakan platform Google Meet. Program ini dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan. Terima kasih kepada Madam Angela Chan Nguk Fong di atas anjuran bengkel ini. Semoga pengisian bengkel ini dapat membantu pelajar menyiapkan kerja kursus mereka.



# Aktiviti Perpustakaan UNISEL



**05 JANUARI 2022**

Taklimat dan tutorial penggunaan Touch N Go yang disampaikan oleh Encik Raj Mohamad dari Pejabat Bendahari UNISEL.



**12 JANUARI 2022**

Taklimat dan tutorial penggunaan Touch N Go yang disampaikan oleh Encik Raj Mohamad dari Pejabat Bendahari UNISEL bersama Pustakawan Perpustakaan UNISEL.



# Aktiviti Perpustakaan UNISEL



**14 JANUARI 2022**

Taklimat dan tutorial penggunaan Touch N Go yang disampaikan oleh Puan Nur Adna Roduan dan dibantu oleh Puan Khuzaimah Zakaria kepada staf sokongan Perpustakaan UNISEL.



**27 JANUARI - 09 FEBRUARI 2022**

Sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor ke 15, satu pameran telah diadakan di Perpustakaan Universiti Selangor, Kampus Bestari Jaya.



# Aktiviti Perpustakaan UNISEL



**17 FEBRUARI 2022**

Reruai jualan buku terbitan UNISEL Press di Majlis Wacana Pemikiran Siddiq Fadzil dan Pelancaran Institut Pemikiran & Kepimpinan Siddiq Fadzil di Dewan Pro Canselor Universiti Selangor.



**23 FEBRUARI 2022**

Serahan buku-buku hadiah daripada wakil mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik) Prof. Dr. Khafilah binti Din kepada wakil perpustakaan.



# Album Pelawat & Lawatan



**10 JANUARI 2022**

Pembentangan oleh syarikat Bio Solution berkenaan kaedah pemuliharaan bahan di Perpustakaan.



**23 FEBRUARI 2022**

Lawatan penanda aras Kursi Sheikh Abdullah Fahim dan lawatan sekitar Institut Islam Hadhari. Semoga kita dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat di masa hadapan.




# Ulasan Buku




- Judul | **Human Genetics: Concepts and Applications**
- Penulis | **Ricki Lewis**
- ISBN | **9781119465782**
- No. Panggilan | **QH431 .L47 2018**
- Lokasi | **1st Floor, Shah Alam**
- Tahun terbitan | **2018**
- Edisi | **-**

The exciting narrative writing style, with clear explanations of concepts and mechanisms propelled by stories, historical asides, and descriptions of new technologies reflects Dr. Lewis's eclectic experience as a health and science writer, blogger, professor, and genetic counselor, along with her expertise in genetics. The patterns with which different parts of the genome touch in a cell's nucleus serves as a metaphor for the new edition of this book.




- Judul | **SPSS Data Analysis for Univariate, Bivariate, and Multivariate Statistics**
- Penulis | **Daniel J. Denis**
- ISBN | **9781119465782**
- No. Panggilan | **QA279 .D46 2019**
- Lokasi | **<https://bit.ly/35JpP2I>**
- Tahun terbitan | **2019**
- Edisi | **-**

The goals of this book are to present a very concise, easy-to-use introductory primer of a host of computational tools useful for making sense out of data, whether that data come from the social, behavioral, or natural sciences, and to get you started doing data analysis fast. The emphasis on the book is data analysis and drawing conclusions from empirical observations. The emphasis of the book is not on theory. Formulas are given where needed in many places, but the focus of the book is on concepts rather than on mathematical abstraction.



- Judul | **The Cognitive Psychology of Speech-Related Gesture**
- Penulis | **Pierre Feyereisen**
- ISBN | **9781315203522**
- No. Panggilan | **BF637.N66 .F49 2018**
- Lokasi | **<https://bit.ly/3tvX7vK>**
- Tahun terbitan | **2018**
- Edisi | **-**

Why do we gesture when we speak? By attempting to answer this question, the present book follows a previous work *Gestures and speech: Psychological investigations* written with Jacques-Dominique de Lannoy. During the past 25 years, the field of gesture studies has profoundly changed and it is necessary to revise our way of thinking in the domain. The aim of this new book is to propose a state of the art of recent research on speech accompanying gestures.



- Judul | **The Political Psychology of the Veil: The Impossible Body**
- Penulis | **Sahar Ghumkhor**
- ISBN | **9783030320614**
- No. Panggilan | **BP173.4 .G48 2020**
- Lokasi | **<https://bit.ly/37FVhvj>**
- Tahun terbitan | **2020**
- Edisi | **-**

Combines notions of psychoanalysis and postcolonial theory to analyses the desire to know. Goes beyond epistemology to the preoccupation with the body and its nexus with liberal freedoms Investigates the psycho-political nature of racism.



# BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

**JANUARI - FEBRUARI  
BILANGAN 01/2022**



**unisel library**

**CARREL SPACES @ 1ST FLOOR OF  
LIBRARY, BESTARI JAYA CAMPUS**

*Come and join us*

**AVAILABLE FOR ALL USER**

**EQUIPPED WITH PCS AND HEADSET**

SCAN OR CODE FOR  
REGISTRATION

FOLLOW US:  
UNISEL LIBRARY

**unisel library**

- If you have a **question** or
- **Need help** with your **research** or **assignment** or
- Want to keep up to date with **latest news & updates ...**

## CONNECT WITH US



**Like.Follow.Share** unisel library

<http://library.unisel.edu.my>

[sirkulasi@unisel.edu.my](mailto:sirkulasi@unisel.edu.my)

Chat with a Librarian

**03-32805081/5080** (BJ Campus)

**03-55223565** (Customer Service, Shah Alam Campus)

**03-55223596** (Reference Service, Shah Alam Campus)

**unisel library**